

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

TARIKH : 04 DISEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi kebimbangan yang disuarakan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) berkenaan kemungkinan berlakunya lambakan pengangguran akibat daripada pendigitalan sistem perbankan "(E-Banking)". Kemajuan automasi dan pendigitalan sistem perbankan tidak seharusnya melenyapkan kehidupan pekerja demi membolehkan sesebuah negara berkembang maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan pekerja yang diberhentikan kerja pada tahun ini (sehingga September 2019) adalah seramai 24,600 orang pekerja. Daripada jumlah ini seramai 1,748 pekerja (7.1%) adalah pekerja daripada sektor kewangan dan insuran/takaful.

2. Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa memantau aktiviti pemberhentian kerja dan memberi khidmat nasihat kepada majikan-majikan yang melaksanakan aktiviti ini untuk membayar apa-apa bayaran kepada pekerja mengikut Akta Kerja

SOALAN NO: 39

1955 (Akta 265), atau mengikut terma dalam kontrak perkhidmatan serta apa yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Bersama.

3. Sekiranya majikan gagal membayar bayaran-bayaran ini, para pekerja yang terlibat dinasihatkan untuk memfailkan tuntutan mereka di Mahkamah Buruh, Jabatan Tenaga Kerja yang terdekat.

4. Di samping itu, Kementerian ini melalui JTK membantu bekas-bekas pekerja ini peroleh pekerjaan yang lain dengan memperlawa mereka untuk hadir ke aktiviti-aktiviti Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang dilaksanakan oleh *JobsMalaysia* di seluruh negara. Sehingga September 2019 seramai 255 orang pekerja yang diberhentikan kerja memperoleh pekerjaan di karnival-karnival pekerjaan yang telah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan juga telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) mulai 1 Januari 2018 dan bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan mulai 1 Disember 2018, serta mencukupi caruman sebanyak 12 bulan caruman, mereka adalah layak untuk menuntut faedah penuh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) (*full-fledge*).

6. Sehubungan itu, mana-mana pekerja termasuk pekerja bank sekiranya diberhentikan kerja dan memenuhi syarat tersebut adalah layak untuk menerima faedah Sistem Insurans Pekerjaan. Bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2019 seramai 591 permohonan SIP dari kalangan pekerja sektor perbankan telah diterima dan dari jumlah tersebut, seramai 480 orang berinsurans telah menerima bayaran faedah sebanyak RM 948,361.28.

7. Di samping itu, bagi tempoh Januari 2019 hingga 22 November 2019 seramai 353 orang penerima faedah SIP dari kalangan pekerja bank terbabit telah berjaya kembali semula bekerja di bawah program perkhidmatan pekerjaan PERKESO

SOALAN NO: 39

8. Selain daripada itu, PERKESO juga turut menyediakan perkhidmatan pekerjaan dan kaunseling kerjaya, yang mana ianya berperanan untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian. Perkhidmatan pekerjaan ini juga turut diberikan kepada pekerja yang mencarum di bawah SIP dan tidak memenuhi syarat kelayakan caruman.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Dalam usaha melatih semula pekerja yang kehilangan pekerjaan, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Manusia mengambil inisiatif menawarkan pelbagai program latihan kemahiran menerusi Kursus Jangka Pendek di 32 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) seluruh negara. Kursus jangka pendek ini dilaksanakan sepanjang tahun dan waktu pelaksanaannya adalah fleksibel bermula dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam. Kursus yang ditawarkan agar ia selari dengan keperluan teknologi semasa dan relevan yang diperlukan oleh para majikan.